

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28

NCIA, CIMB kerjasama bangunkan semula PKS

NCIA, CIMB kerjasama bangunkan semula PKS

KUALA LUMPUR - CIMB Bank Bhd dan CIMB Islamic Bank Bhd secara rasminya melancarkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk menyediakan rebat faedah atau keuntungan bagi menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk dirancakkan semula di tengah-tengah pandemik yang sedang melanda.

Kumpulan CIMB dalam kenyataan pada Selasa berkata, menerusi Skim Usahawan NCIA-CIMB (NCES), PKS yang layak akan menerima rebat 50 peratus daripada jumlah faedah atau keuntungan bagi permohonan menyertai Program Pembiayaan *CIMB SME Quick Biz*.

Katanya, inisiatif itu akan mendorong sasaran NCIA untuk menyokong sekurang-kurangnya 1,000 PKS dan PKS mikro bagi tempoh berbaki dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (2022-2025).

NCIA adalah badan berkanun yang bertanggungjawab merangsang pertumbuhan ekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara



meliputi empat negeri di utara Semenanjung iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Group Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, kerjasama dengan NCIA adalah antara pelbagai inisiatif CIMB untuk mempercepat pemulihan, pertumbuhan dan kemajuan PKS.

“Usaha-usaha ini menunjukkan cita-cita *Forward 23+* kami untuk menjadi Organisasi Yang Didorong Tujuan,” katanya.

Abdul Rahman berkata sokongan CIMB terhadap sektor PKS termasuk program pementoran dan berdaya tahan seperti *CIMB MicroBizReady*, melengkapkan perniagaan B40 dengan medium untuk berkembang maju bukan sahaja ketika Covid-19 pada masa ini, malah, untuk jangka panjang.- *Bernama*